



**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBRS. DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**BENGKEL PEMBANGUNAN HALA TUJU STRATEGIK & PELAN
TINDAKAN PENDIGITALAN
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA 2021-2025**

**TARIKH:
16 OGOS 2022 (SELASA)**

**TEMPAT:
DEWAN TUN DR. ISMAIL (DTI)**

Bismillahirrahmanirahim

Assalammualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Terima kasih saudara pengacara majlis pada pagi ini;
Dr. Amy Hamijah binti Ab Hamid dari Pusat Teknologi Maklumat.

Yang Berusaha Ts. Dr. Ishak bin Mansor

Pengarah Bahagian Sokongan Teknikal

Yang kini menanggung tugas-tugas Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal

dan juga menggantikan **Yang Berusaha Dr. Rosli Bin Darmawan**

Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan & Pembangunan merangkap Ketua Pegawai Digital (CDO) Nuklear Malaysia

Yang Berusaha Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zain

Pengarah Kanan Program Pengurusan;

Yang Berusaha Dr. Mohamad Safuan Bin Sulaiman

Pengurus Pusat Teknologi Maklumat

merangkap Pengerusi Bengkel Pembangunan Hala Tuju Strategik & Pelan Tindakan Pendigitalan Nuklear Malaysia 2021-2025

Yang Berusaha Puan Siti Sapura Binti Rafee

Ketua Perunding Perancangan Strategik MAMPU

Jabatan Perdana Menteri

Yang Berusaha Ts. Suhaiza Binti Sudirman

Subject Matter Expert Pengurusan Strategik MAMPU

Pengarah-pengarah bahagian, pengurus-pengurus unit, pegawai-pegawai perunding strategik dari MAMPU

Dr./Ts/Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, atas izin dan limpah kurnianya, dapat kita bersama-sama berhimpun bagi menjayakan Bengkel Pembangunan Hala Tuju Strategik & Pelan Tindakan Pendigitalan Agensi Nuklear Malaysia 2021-2025 yang akan berlangsung selama 3 hari, bermula hari ini sehingga 18 Ogos 2022.
2. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai-pegawai perunding strategik MAMPU, yang sudi hadir untuk bengkel ini dan telah pun memberi bimbingan kepada Nuklear Malaysia dalam membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan sejak bulan September 2021.
3. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua peserta-peserta bengkel yang istiqomah hadir pada pagi ini. Saya meletakkan harapan yang tinggi agar tuan dan puan dapat menyumbang idea dan tenaga dengan penuh disiplin serta tanggungjawab agar objektif bengkel ini tercapai.

GELOMBANG PENDIGITALAN

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian.

4. Gelombang digital terus memberi kesan kepada komuniti global dan telah mengubah gaya hidup kebanyakan masyarakat di seluruh dunia. Jika kita melihat kembali lima tahun yang lalu, banyak perubahan yang kita lihat dalam pelbagai aspek kehidupan, sama ada dari segi cara kita berinteraksi antara satu sama lain, cara kita belajar, dan juga cara kita memantau kesihatan diri kita, semuanya telah ada sentuhan teknologi canggih seperti kecerdasan buatan

(AI), internet of things (IOT) atau analitik data besar. Ini telah mengubah corak ekonomi dunia dan cara hidup masyarakat moden.

5. Malaysia tidak terkecuali dari tempas gelombang pendigitalan ini. Justeru, penguasaan teknologi digital penting untuk negara kita mengatasi had produktiviti dan menaik taraf ekonomi rakyat Malaysia. Keupayaan untuk merebut peluang yang muncul daripada inovatif teknologi dan model perniagaan, memainkan peranan penting dalam memacu enjin baharu pertumbuhan ekonomi negara.
6. Kerajaan Malaysia telah menggubal dan melancarkan beberapa dasar pendigitalan agar Malaysia terus berdaya maju dalam persaingan ekonomi dan tidak tertinggal kebelakang dalam menongkah arus ekonomi digital yang kian mencabar ini. Di antara dasar-dasar penting yang perlu dihayati oleh kita sebagai penjawat awam ialah MyDigital dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025.
7. Dalam menyokong dasar pendigitalan negara ini, peranan kita amat signifikan dan perlu dihayati dalam konteks memacu pertumbuhan ekonomi negara melalui inovasi dalam bidang teknologi nuklear dan penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dengan mengadaptasi teknologi digital.
8. Justeru, untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab ini, kita sebagai penjawat awam yang berkhidmat untuk negara, perlu mempunyai hala tuju yang strategik dan pelan tindakan yang mantap bagi memastikan agenda pendigitalan Agensi Nuklear Malaysia berjaya dilaksanakan.

HALA TUJU PENDIGITALAN NUKLEAR MALAYSIA

9. Hala tuju pendigitalan Nuklear Malaysia adalah ke arah mencapai visi menjadi **“Agensi digital mampan pemangkin kepada penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan inovasi (R&D&C&I) dalam Sains dan Teknologi Nuklear”**. Visi ini selari dengan visi pendigitalan sektor awam iaitu **“Kerajaan Digital Mampan Pemangkin Masyarakat Digital”** dan Visi MOSTI iaitu **“Memacu ICT bagi Memperkasa Agenda Sains, Teknologi dan Inovasi Negara”**. Peranan Bengkel ini sangatlah penting dalam menghasilkan teras-teras strategik dan pelan tindakan yang mampu menyokong Nuklear Malaysia mencapai visi pendigitalan.

PENUTUP

10. Saya berharap semoga Bengkel ini menjadi titik tolak dan wadah untuk kita sama-sama menyumbang cetusan idea-idea berkaitan hala tuju strategik baharu yang kreatif dan inovatif serta penghasilan pelan tindakan pendigitalan yang selari dengan dasar pendigitalan negara dan trend teknologi terkini, seterusnya dapat menghasilkan Pelan Strategik Pendigitalan Nuklear Malaysia yang berkualiti dan praktikal.
11. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini, termasuklah pihak MAMPU, CIO, CDO, ICTSO, Pusat Teknologi Maklumat (PTM), Bahagian Sokongan Teknikal selaku *anchor* atau urusetia, para peserta dan semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung bagi menjayakan Bengkel kali ini.

12. Akhir sekali, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim dengan ini saya merasmikan Bengkel Pembangunan Halatuju Strategik & Pelan Tindakan Pendigitalan Agensi Nuklear Malaysia 2021-2025 dan selamat berbengkel semua.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.